

Islam Sebagai Penyuluh Hidup Manusia

Memang tidak dapat dinafikan oleh setiap insan, yang hidup di dalam alam yang penuh dengan pancaroba ini tentang sucinya agama itu. Oleh kerana setiap agama dari rumpun apa jua sekalipun, yang wujud di alam ini adalah semata-mata bertujuan baik. Dan demikianlah jua agama Islam yang telah dapat memberi petunjuk dan hidayah kepada umatnya. Sebagaimana yang kita telah maklum bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang telah dapat memberi jaminan dan keselamatan kepada umat manusia seluruhnya.

(Oleh: M. A. Khalil Ismail)

Islam Agama yang Benar:

Ini dapat kita saksikan dan memastikannya dengan berpandu kepada sepotong firman Tuhan.

“Inna al-dīn ‘ind Allāh al-Islām”

Yang bermaksud: “Sesungguhnya agama yang diredai di sisi Tuhan itu ialah Islam.” Maka dari pentafsiran tersebut dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa Islam itulah agama yang sebenarnya dan juga mendapat keredaan dari Tuhan. Tetapi kenapakah ada setengah-setengah golongan yang masih lagi menaruh keraguan dan syak wasangka terhadap kesucian dan kebenaran agama Islam? Maka bagi kita yang telah mengetahui akan selok-belok hukum-hukum Islam ini hendaklah sentiasa memberi penerangan mengenai undang-undang Islam kepada mereka itu. Semoga dengan cara yang demikian akan dapat menghindarkan segala anggapan dan sangkaan buruk terhadap kesucian Islam.

Kita seringkali mendengar ada setengah-setengah pihak yang hendak mencemarkan akan kesucian Islam. Mereka menganggap yang agama Islam adalah sebagai batu penghalang bagi segala kemajuan di dunia ini. Akan tetapi

kita sebagai pemeluk agama Islam janganlah mudah terpengaruh dengan tuduhan dan sangkaan yang tidak bertanggung jawab itu. Kita hendaklah kembali balik kepada pengertian Islam yang sebenar. Agama Islam yang diturunkan oleh Tuhan ke alam ini, bukanlah semata-mata untuk peribadatan sahaja malah adalah jua untuk keduniaan.

Islam Agama Dunia dan Akhirat:

Bagi mengukuhkan akan kenyataan ini, marilah kita berpandukan dengan sepotong hadith Rasulullah yang berbunyi:

“Lā rahibāniyati fī al-Islām”

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak ada kepaderian dalam Islam”.

Dari hadith tersebut dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa Islam bukanlah satu agama yang semata-mata bertumpukan kepada peribadatan sahaja, malah agama Islam adalah sentiasa menitik beratkan kepada pengikut-pengikutnya agar mengambil inisiatif atau pun daya usaha dalam hal-hal dunia. Jadi dengan hadith tersebut kita adalah digalakkan supaya bergerak setapak demi setapak bagi mengejar segala kemajuan yang ada di dunia ini. Perlu diingatkan, dalam mengejar segala

kemajuan ini, Islam adalah meletakkan batasan-batasan yang tertentu. Yang mana ini semua adalah bertujuan untuk memberikan keselamatan dan kebahagiaan kita semua. Dengan sebab di dalam masa kita melaksanakan satu-satu kewajiban itu banyaklah perkara-perkara yang boleh berlaku. Maka Islam sebagai satu agama yang dapat menyelamatkan dari perkara-perkara yang mendatangkan akibat yang buruk telah menetapkan hukum-hukum yang tertentu. Yang mana dengan peraturan-peraturan yang ditentukan inilah maka kita akan selamat dari melakukan perkara-perkara yang dikutuk oleh Tuhan. Peraturan atau hukuman-hukuman yang tersebut di dalam Islam itu adalah berdasarkan kepada kitab suci al-Qur’ān, hadith-hadith Rasulullah, perbandingan atau qiyas dan pendapat-pendapat ulama. Maka dengan peraturan-peraturan dan hukum-hukum yang didasarkan kepada sumber-sumber tersebutlah yang dapat membentuk peribadi seseorang itu dengan lebih sempurna.

Di samping agama Islam membolehkan seseorang itu melakukan satu-satu perkara, selagi tidak bertentangan dengan batasan-batasan agama, Islam juga adalah memberi keringanan dan kemudahan kepada umat-umatnya dalam melaksanakan hukum-hukum Tuhan, tetapi

Islam sebagai penyuluh...

masih lagi terdapat setengah-setengah golongan yang mengatakan Islam adalah agama yang memberatkan umatnya dalam menunaikan perintah-perintah Tuhan. Kita dapat menolaknya dengan sangkaan buruk itu dengan berpegang kepada sepotong firman Tuhan.

“Lā nukallifu nafsān illā wus’ahā” yang bermaksud: “Kita tidak memberatkan ke atas diri seseorang itu melainkan dengan kesanggupannya.” Sesungguhnya dengan firman Tuhan tadi, tidaklah syak lagi bagi kita, bahawa segala peraturan dan perintah-perintah yang ditetapkan

dalam agama Islam adalah mengikut kesanggupan seseorang dan bukanlah Islam memerintahkan seseorang itu melakukan satu-satu perkara yang tidak ia sanggup lakukan.

Dengan wujudnya agama Islam di alam maya ini, telah dapat memberi contoh dan tauladan kepada agama-agama yang lain. Maka dengan berpandukan kepada peraturan dan hukum-hukum Allah itu, maka akan terselamatlah kita dari terjerumus ke lembah kehinaan. Di samping itu juga Islam adalah memberi kebebasan kepada setiap umat manusia dalam melaksanakan sesuatu tugas itu. Tetapi dalam melakukan (melaksanakan) tugas-tugas itu perlulah kita berhati-hati agar tidak

terkeluar dari landasan-landasan Islam.

Islam sahajalah agama yang dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan umat manusia di dunia dan di akhirat. Kerana segala hukum-hukum Islam itu adalah-adalah melengkapinya dan sempurna di dalam zaman serba moden ini. Tuhan telah menegaskan di dalam sepotong ayat yang berbunyi demikian:

“Al-yawm akmaltu lakum dīnāka wa atmamtu ‘alaykum ni‘matī waraḍitu lakum al-Islām dīnā.”

Yang bermaksud: “Hari ini aku telah menyempurnakan agama kamu bagi kamu, dan telah menunaikan atas kamu nikmat-nikmatku dan aku redalah Islam itu sebagai agama kamu.

SUDAH TERBIT!

Kesah2 Dari Sejarah Islam Untuk Bacaan Kanak2

Isi-lah Almari “TAMAN BACHAAN” anak tuan2 di-rumah dan di-sekolah2 dengan buku2 cerita yang berdasarkan pendidickan Islam. Mendidik jiwa kanak2 ka-arrah semangat chintakan Islam ada-lah kewajipan ibu bapa dan guru2. Galakkan-lah anak tuan2 membacha buku “Siri Kesah Tokoh2 Sejarah Islam” yang kami susun khas untuk bacaan kanak2 bagi manambah pengetahuan mereka memperkenali Tokoh2 Islam di-zaman silam.

Buku ini kami terbitkan dengan chara bersiri2 dan akan di-terbitkan terus menerus dari suatu masa ka-suatu masa.

Siri	I	:	RUPA YANG BUROK	40 SEN
“	II	:	RAHSIA TERBUKA	50 “
“	III	:	MENJINAKKAN	50 “
“	IV	:	GABNOR dan HAKIM	60 “
“	V	:	DUSTA YAHUDI	40 “
“	VI	:	MENCHARI YANG HALAL...	40 “		
“	VII	:	IBNU SINA(Sedang di-sapkan)
“	VIII	:	KHAULAH dengan SUAMI-NYA	...	“	
“	IX	:	DI-PENCHILKAN	...	“	

Tiap2 pesanan tambah wang stem 10 sen.
(Untuk satu siri).

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya.

SELANGOR.